



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Bahasa **Unleashing Potentials**
Shaping the Future

E-ISSN: 2682-7948



Bulletin APB EDISI 11

NOVEMBER 2023

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



Jom Kenali Emas!

NORMAZIAH ABDUL RAHMAN, ROZIANIWATI YUSOF, NORHAFIZAH HASHIM, SRI YUSMAWATI MOHD YUNUS & NOR AZLINA AZIZ FADZILLAH

UiTM KAMPUS SEREMBAN

Kebelakangan ini, pelaburan emas telah menjadi satu trend yang semakin popular dan permintaannya semakin meningkat bagi pengguna yang ingin melibatkan diri di dalam dunia pelaburan. Namun begitu, sebelum menceburkan diri dalam pelaburan emas, pengguna perlu mempunyai maklumat dan ilmu pengetahuan mengenai emas yang mencukupi. Antara persoalan yang perlu diambil kira:

1. Apakah itu pelaburan emas ?
2. Apakah jenis-jenis pelaburan emas?
3. Mengapa perlu simpan emas?
4. Apakah itu pelaburan emas ?

Apakah itu pelaburan emas?

Emas dan perak pernah digunakan sebagai mata wang sejak ribuan tahun yang dahulu. Malah, di dalam dunia Islam, penggunaan mata wang emas dan perak yang dikenali sebagai dinar dan dirham telah digunakan sejak awal permulaan Islam. Sejarah dunia telah membuktikan bahawa emas dan perak adalah mata wang yang sebenar. Pelaburan emas adalah aktiviti menggunakan emas untuk mendapatkan nilaiyan yang lebih besar dalam jangka masa yang panjang kerana nilainya sentiasa meningkat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa jenis pilihan emas yang dikatakan sesuai untuk dijadikan pelaburan iaitu jongkong emas, syiling emas dan akaun pelaburan emas.



Apakah jenis-jenis pelaburan emas?

Terdapat dua jenis pelaburan emas yang popular di dalam kalangan pelabur emas di Malaysia iaitu:

1. Emas Fizikal

Pelaburan emas fizikal menjadi satu pilihan yang nombor satu di dalam kalangan pelabur. Berikut adalah tiga jenis emas fizikal iaitu :

Jongkong Emas

Jongkong emas berketalenan 999 menjadi pilihan utama bagi pelaburan emas fizikal. Saiznya bermula dari 20 g sehingga 1kg emas. Harga satu jongkong emas boleh mencecah ratusan ribu ringgit dan ini sangat sesuai untuk dimanfaatkan sebagai satu pelaburan dengan mensasarkan harga pulangan tertinggi.

Syiling Emas

Bagi syiling emas pula, saiznya lebih ringan iaitu di antara 1g sehingga 10g emas. Ia merupakan pilihan yang ideal bagi pelabur baru kerana harganya adalah berpatutan dan mampu milik.

Barang Kemas

Barang kemas adalah emas hiasan yang biasa dipakai oleh para wanita, namun, pada masa kini, ia juga menjadi sebagai satu alternatif bagi tujuan pelaburan emas. Perkara yang perlu dipertimbangkan semasa membeli barang kemas adalah memeriksa jumlah karat emas yang hendak dibeli seperti 24k, 22k atau 18k dan kadar upah bagi rekabentuk barang kemas tersebut.

2. Akaun Pelaburan Emas

Sejajar dengan pertumbuhan teknologi yang pesat pada masa kini, pelaburan emas juga boleh dijalankan secara digital dengan membuka akaun pelaburan di bank atau syarikat perniagaan serendah 1 gram emas. Melalui akaun ini, pengeluaran boleh dibuat dalam pelbagai bentuk

1. Maybank
2. Public Bank
3. Public Gold

Mengapa perlu menyimpan emas?

1. Harga emas sentiasa meningkat.

Jika diperhatikan, harga emas akan terus meningkat dalam tempoh jangka masa yang panjang. Ini dapat dilihat melalui graf emas di bawah, dapat dilihat trend harga emas meningkat sejak tahun 2000 hingga kini.



Rajah 1: Graf Kenaikan Harga Emas Daripada Tahun 2000 hingga sekarang

Sumber:

https://www.kitco.com/scripts/hist_charts/yearly_graphs.php?au00-pres=on&submitauc=View+Charts

2. Emas Bernilai Di Seluruh Dunia

Emas yang disimpan, boleh dijual semula kerana ia laku dan diterima tidak kira di mana sahaja di seluruh dunia mengikut harga semasa dan nilai mata wang negara tersebut.

3. Ubat bagi masalah kebocoran wang

Ramai orang pada masa kini mempunyai masalah untuk menyimpan duit kerana duit yang disimpan akan sentiasa diambil jika terdapat sesuatu benda untuk dibeli. Jadi, untuk mengelakkan masalah kebocoran wang ini, ia perlu disimpan di dalam bentuk emas. Ini berdasarkan pengalaman penyimpan emas, mereka sukar untuk menjual semula emas, dapat mengekang nafsu untuk berbelanja kepada perkara tidak perlu.

4. Dapat Melindungi Dari Inflasi

Emas bukan sahaja melindungi ekonomi negara, tetapi emas juga dapat melindungi ekonomi anda sekeluarga.

la mampu untuk bersaing dengan kadar inflasi dan emas juga berupaya untuk melindungi kejatuhan nilai matawang di dunia.

5. Pelbagaiakan instrumen simpanan dan pelaburan Sebagai pelabur, kita perlu mempelbagaikan instrumen simpanan dan pelaburan. Ini bermaksud, jangan letakkan semua simpanan anda di dalam satu instrumen pelaburan sahaja. Bentuk simpanan dan pelaburan perlu dipelbagaikan di dalam instrumen yang berbeza seperti ASB, Tabung Haji dan emas.

Sebagai tambahan, pelaburan, emas juga dapat memupuk sifat mengawal diri yang baik dalam diri seorang pelabur yang beriman. Apabila seseorang pelabur mula menyimpan emas, kebiasaan mereka akan meletakkan impian supaya dapat mencapai simpanan emas sekurang-kurangnya 85 gram. Ini kerana, jika emas melebihi 85 gram, ia akan dikenakan zakat sebanyak 2.5% dengan tempoh minimum pemilikan satu tahun Hijrah. Bagi simpanan barang kemas pula, ia akan dikenakan zakat sekiranya jumlah emas tersebut melebihi uruf yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam mengikut negeri masing-masing dan mencukupi tempoh 1 tahun Hijrah. Melalui pembayaran zakat, ia dapat menyucikan harta kita kerana dapat membantu mereka yang memerlukan dan memberikan manfaat kepada orang ramai.

Bersediakah untuk Membuat Pelaburan Emas?

Emas boleh menjadi pilihan bagi sesiapa yang mencari pelaburan yang sesuai. Walaupun, jika dilihat, harganya sentiasa berubah, naik dan turun tetapi dalam jangka masa panjang, ia dapat memberi keuntungan yang tinggi. Melalui pelaburan emas ini juga, ia boleh membuatkan pengguna sentiasa berada di dalam keadaan bersedia dengan apa jua risiko ekonomi yang tidak boleh dijangka sekarang. Jadi, apa tunggu lagi? Jom simpan emas!

Rujukan

Ali, A. (2010). Masa untuk emas: bagaimana untuk melabur dalam emas dengan tepat dan mengelak kesilapan-kesilapan yang besar. Truewealth.

Shafie, M. Z. (2017). Wang Emas: Bertahan ketika gawat. . Galeri Ilmu.